

Projek RMK-9 lancar

BH-18/6/2007

Kenaikan harga bahan binaan tidak beri masalah

Oleh Khairul Anuar
Abdul Samad

BACHOK: Semua projek pembangunan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) berjalan seperti dirancang, walaupun kos bahan binaan meningkat sehingga 30 peratus sejak awal tahun ini.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Awang Adek Hussin, berkata permintaan tinggi dunia, terutama dari China terhadap beberapa bahan binaan menyebabkan peningkatan kos itu.

Bagaimanapun, katanya, kontraktor yang terbabit dalam sektor pembinaan bagi RMK-9 tidak seharusnya mengaitkan isu kenaikan kos bahan binaan apabila sukar menyiapkan projek kerajaan.

"Kontraktor atau persatuan terbabit seharusnya berjumpa dengan agensi kerajaan berkaitan seperti Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi menyelesaikan masalah terbabit.

"Agensi itu mampu bertindak sebagai wakil mereka dalam memastikan masalah itu dapat diketengahkan ke Kementerian Kewangan. Ia membolehkan masalah berkaitan diatasi sebaik mungkin," katanya ke-

pada media, di sini, semalam.

Beliau mengulas kenyataan Presiden Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM), Senator Datuk Roslan Awang Chik, yang mengatakan kontraktor Bumiputera sukar menyiapkan projek kerajaan dalam RMK-9 akibat kenaikan harga bahan binaan.

Kenaikan sehingga 30 peratus itu membabitkan bahan binaan asas seperti besi dan simen serta barang lain berasaskan bahan itu. Bahan itu dijangka terus meningkat tahun depan berikutan permintaan tinggi selain kerancangan yang berlaku dalam industri binaan global.

Difahamkan ada ahli PKMM tidak sanggup meneruskan projek akibat kenaikan harga bahan binaan dan ada yang berada dalam dilema sama ada hendak memasuki tender atau sebaliknya.

Dr Awang Adek berkata, kontraktor seharusnya mengambil kira harga bahan binaan terlebih dulu sebelum membuat penyertaan tender dalam projek RMK-9.

"Kerajaan sedar semua harga barangan itu kini meningkat, namun ekoran kenaikan itu, tidak bermakna pembangunan projek kerajaan dalam RMK-9 akan gagal.

"Walaupun kontraktor berdepan kenaikan kos bahan binaan, kerajaan akan memastikan projek RMK-9 mengikut perancangan," katanya.

Beliau menegaskan, bagi melancarkan perjalanan projek RMK-9, agensi kerajaan bersiap sedia memberi bantuan kepada kontraktor yang berhadapan dengan masalah.

Sementara itu, beliau menasihatkan kerajaan Pas Kelantan memohon secara rasmi jika memerlukan bantuan tambahan Kerajaan Pusat bagi membiayai pembayaran kenaikan gaji dan imbuhan kakitangan awam negeri mulai bulan depan.

FAKTA NOMBOR

Tender dikeluarkan JKR
dalam RMK-9

4,272

Projek

RM4.4b

Kos projek